

# Tambah sistem pengangkutan

Kerajaan sedang melaksanakan 10 projek utama bagi menambah baik sistem pengangkutan awam di Lembah Klang bagi menggalakkan rakyat menggunakan pengangkutan awam sebagai pengangkutan utama. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ahmad Maslan, berkata ia termasuk penambahbaikan sistem KTM Komuter dengan menambah 38 set tren daripada tiga gerabak ke enam gerabak. Projek lain adalah Transit Aliran Massa (MRT) laluan Sungai Buloh-Kajang, sambungan jajaran Transit Aliran Ringan (LRT) Kelana Jaya-Putra Heights, sambungan jajaran LRT di Sri Petaling-Putra Heights, Bas Rapid Transit (BRT) Kuala Lumpur-Klang dan BRT Setia Jaya ke Persiaran Subang, Sunway. Beliau menjawab soalan dikemukakan Teresa Kok (DAP-Seputeh).